



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL 94 / 2019

SPR AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN BERKENAAN PEMBATALAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.176 KIMANIS, SABAH

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 2 Disember 2019 mengambil maklum dan akur keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah mengisytiharkan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Parlimen P.176 Kimanis, Sabah pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu adalah tidak sah dan terbatal.

Sehubungan dengan itu, SPR perlu menunggu Perakuan daripada Mahkamah Persekutuan bagi mengambil tindakan selanjutnya untuk mengadakan Pilihan Raya Kecil (PRK) untuk mengisi kekosongan kerusi tersebut.

SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat berkenaan akan dimaklumkan kemudian oleh pihak SPR.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 3 Disember 2019 / 6 Rabiulakhir 1441H